

Mangsa banjir di Kelantan meningkat

1,761 orang ditempatkan di 11 pusat pemindahan

Oleh Abdul Halim Yusoff
dan Betty Subaryati
bhkb@bharian.com.my

KOTA BHARU: Jumlah mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 1,761 orang membabitkan 546 keluarga di 11 pusat pemindahan semalam, berbanding 1,603 daripada 497 keluarga kelmarin.

Sehingga jam 7 malam tadi, 385 mangsa lelaki, wanita (533), kanak-kanak lelaki (431) dan kanak-kanak perempuan (412) ditempatkan di pusat pemindahan, dengan jajahan Pasir Mas mencatat mangsa tertinggi iaitu 1,230 orang, diikuti Tumpat (497), manakala Kota Bharu (34).

Sungai Golok di Rantau Panjang, Pasir Mas masih mencatatkan pa-

ras air bahaya setinggi 10.16 meter (m).

Sungai Galas di Dabong; Sungai Lebir di Tualang; Sungai Kelantan di Tangga Krai dan Jambatan Guillemard; dan Sungai Golok di Jenob pula masing-masing berada pada paras berjaga-jaga.

Empat laluan masing-masing tiga Jalan Rantau Panjang – Panglima Bayu, KM10 di Kampung Kubang Rambutan, Jalan Banggol Kulim Lokasi 2 di KM1 (Kampung Banggol Kulim), Jalan Pengkalan Rakit di KM3 (Kampung Pengkalan Rakit) di Pasir Mas masih ditutup kepada kenderaan ringan.

Selain itu, satu laluan di Jalan Cabang 4, Kampung Jambu, Meranti, KM3 (Kampung Ana) di Tumpat juga masih ditutup kepada kenderaan ringan.



SEKUMPULAN kanak-kanak melakukan aksi akrobatik ketika mandi di kawasan rendah yang dipenuhi banjir di Kampung Ular, Tumpat, semalam.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri, berkata sehingga semalam hanya tiga jajahan masih membuka pusat pemindahan banjir berbanding enam kelmarin dengan jajahan Pasir Mas mencatat jumlah mangsa paling ramai.

“Jajahan Pasir Mas masih mencatat jumlah mangsa banjir tinggi berikutan kawasan berkenaan masih dinaiki air kerana paras air Sungai Golok di Rantau Panjang kekal di paras melebihi bahaya. Jumlah mangsa berkurangan di Kota Bharu dan sesetengah pusat pe-

mindahan sudah ada yang ditutup,” katanya, semalam.

Di **KUALA TERENGGANU**, semua pusat pemindahan di daerah yang terjejas sebelum ini termasuk Setiu dan Besut sudah ditutup dan sehingga jam 6 petang semalam hanya tinggal 117 mangsa daripada 30 keluarga yang ditempatkan di satu pusat pemindahan di sini.

Setiausaha Keselamatan Negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Terengganu, Tajul Ariffin Muhammad, berkata semua mangsa banjir di daerah Kuala Terengganu ditem-

patkan di pusat pemindahan, Sekolah Kebangsaan Guntong.

Katanya, semua pusat pemindahan di Kemaman, Marang dan Hulu Terengganu turut ditutup.

Setakat ini, hanya Jalan Kampung Kejir-Kampung Bukit Perah di Hulu Terengganu yang ditutup kepada semua lalu lintas kerana masih ditenggelami banjir.

Bagaimanapun, katanya, paras air di beberapa sungai utama di Besut, Setiu, Marang, Kemaman dan Dungun masih berada pada paras bahaya.